

Bersyukur dan

insaf: PM

(P) 25/1/93
KUALA LUMPUR, Rabu — Umat Islam negara ini patut bersyukur kerana pada keseluruhannya tidak menghadapi masalah besar yang sering dihadapi oleh umat dan negara Islam lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dengan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik, umat Islam di Malaysia menikmati rezeki serta tinggal dalam keadaan aman serta harmoni bersama bukan Islam.

Katanya, umat Islam juga perlu insaf kerana negara ini tidak ditimpa mala petaka serius, diperingi dan ditakluki musuh atau dilanda perang saudara.

“Jika ada masyarakat Islam yang harus bersyukur di zaman kegentingan bagi umat Islam ini, kita lah yang harus bersyukur,”

merlukan kksabaran, ketekunan dan pengorbanan; yang mana ini semua adalah sifat yang datang dengan ibadat berpuasa. Sebab itu, puasa membara hikmah lebih daripada hanya mendapat ganjaran di akhirat,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sudah terbukti ikhtiar sebelum ini berjaya meletakkan Malaysia, bangsa dan agama Islam di tahap yang lebih dihormati.

Katanya, negara-negara Islam juga sekarang mengakui fungsi yang dimainkan oleh Malaysia dalam usaha mengembalikan zaman kecemerlangan Islam, sekaligus meletakkan tanggungjawab lebih berat ke atas bahu umat Islam.

Beliau mengingatkan bahawa didikan dan pengajaran agama bukan ditumpu semata-mata kepada ibadat dan amalar

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat menyambut Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat.

kur,” katanya dalam perutusan Hari Raya Puasa 1413 Hijrah menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Sehubungan itu, katanya umat Islam negara ini perlu membuat persediaan penting iaitu pembentukan peribadi sesuai dan bermatlamat serta tidak berpeluk tubuh dan berharap kepada takdir.

Katanya, apa yang dirancang dan diusahakan kerajaan hanya suatu ikhtiar dan walaupun tahun 2020 masih jauh, usaha mesti dimulakan dari sekarang dan diteruskan.

“Untuk mengekalkan keamanan dan meningkatkan lagi kemakmuran negara, ikhtiar dan usaha lebih gigih perlu oleh semua pihak iaitu kerajaan, swasta, pekerja dan orang awam keseluruhannya.

“Ikhtiar dan usaha me-

tertentu untuk akhirat, tetapi juga mengenai moral dan sikap yang diperlukan dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Katanya, umat Islam juga tidak perlu berasa takut untuk berjaya di dunia kerana akhlak dan nilai moral itu mampu menjadi pelindung daripada dibinasakan oleh kejayaan dan kekayaan.

Dr Mahathir berkata hanya dengan menjadi umat yang maju saja dapat menolong umat Islam di negara lain yang tertindas, seperti di Bosnia-Herzegovina. Sekiranya orang Islam daif, mereka bukan saja tidak dapat memelihara diri sendiri tetapi tidak dapat berbakti kepada orang Islam lain.

“Orang Islam yang ber-

LIHAT MUKA 2

Usah belakangkan agama: Mahathir

DARI MUKA 1

jaya lebih mungkin dan mampu **berbakti** kepada agama dan umat," **kata**nya.

Dr Mahathir **menasih**atkan umat Islam di negara **ini** tidak **membelakang**kan agama seperti orang bukan Islam yang berjaya tetapi **hilang** kepercayaan **kepada** agama, nilai **mo**ral dan **etika**.

Katanya, merebaknya penyakit **Aids** akibat **per**gaulan bebas dan **sum**bang, keruntuhan **institu**si **perkahwinan** dan **kelu**arga adalah contoh umat yang **hilang** kepercayaan agama, moral dan etika.

Beliau berkata, **keraja**an **memberi perhatian** **seimbang** **kepada** **keja**yaan dunia dan akhirat

umat Islam negara **ini** **ke**rana se, dar pengabaian terhadap kejayaan di **du**nia akan menjejaskan **ke**jayaan akhirat. **Berdasar**kan faktor **itulah**, Islam menganggap **kemiskinar**, sebagai ancaman kepada **iman** seseorang Islam.

"Sebabnya hari **ini** **umat** Islam ditekan dan **dihina** **talah** kerana **mere**ka miskin, baik dari segi **harta benda**, ilmu **penge**tahuan atau kecekapan dalam **bidang** pembuatan dan **teknologi**," katanya.

Sebaliknya, **tanpa mem**belakangkan **ibadat** untuk akhirat, Dr Mahathir **ber**kata, kekayaan dan **keja**yaan dalam pelbagai **bidang** di dunia boleh **diperolehi**.